

ULASAN PERUNDANGAN

AKTA KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017: SUATU ANALISIS

*Duryana Mohamed
Mohammad Hidir Baharudin*

Jabatan Amalan Undang-undang,
Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: *Duryana Mohamed and Mohammad Hidir Baharudin* (2019). Ulasan Perundangan: Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017: Suatu analisis. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 190 – 201.

PENDAHULUAN

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (selepas ini disebut Akta 792) mendapat perkenan diraja pada 3 Julai 2017, diwartakan pada 7 Julai 2017 dan dilaksanakan pada 10 Julai 2017.¹ Dalam Mukadimah Akta 792, tujuan akta ini digubal adalah untuk mewujudkan peruntukan khusus tentang kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang sedia ada. Hukumannya pula termaktub dalam undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengannya dengan mengadakan peruntukan tentang pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara berkaitan. Intipatinya, akta ini digubal untuk memfokuskan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun, termasuk kanak-kanak yang

1 n.n. (2017, 7 Julai). Minister: Sexual offences against Children Act 2017 to be enforced from July 10. *Malay Mail Online*, Retrieved from <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/minister-says-sexual-offences-against-children-act-2017-to-be-enforced-on-j#7Roexxr7quWJl2Di.99>.

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

umurnya dinyatakan dalam undang-undang bertulis yang lain. Akta ini diwujudkan setelah pelbagai usaha dilakukan oleh beberapa pihak berkepentingan, termasuklah agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, selebriti tanah air dan pihak media untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya mengabaikan kanak-kanak tanpa pengawasan dan peningkatan kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Penggubalan Akta 792 ini juga menarik perhatian dunia termasuklah Tabung Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations Children's Fund* (UNICEF).² Kanak-kanak pada dasarnya adalah sebahagian daripada aset negara dan hak mereka perlu dilindungi. Di Malaysia, hak kanak-kanak dinyatakan dalam Dasar Kanak-kanak Negara³ dan mereka diberikan hak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.⁴ Hak mereka juga dilindungi dan dikitiraf dalam undang-undang. Akta 792 merupakan antara undang-undang yang melindungi hak kanak-kanak, selain Akta Kanak-kanak 2001⁵ dan undang-undang lain yang berkaitan dengan kanak-kanak.

PEMBAHAGIAN ATAU KATEGORI KESALAHAN DALAM AKTA 792

Akta 792 mengandungi 28 seksyen dan satu jadual. Kesalahan di bawah Akta 792 dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu Bahagian I - Permulaan (seksyen 1 – 3); Bahagian II - Kesalahan yang berhubung dengan pornografi kanak-kanak (seksyen 4 – 10); Bahagian III - Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pengantunan kanak-

2 n. n.(2017, 16 Mei). UNICEF Malaysia applauds passing of Sexual Offences Against Children Bill 2017. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2017/05/239669/unicef-malaysia-applauds-passing-sexual-offences>.

3 Dasar Kanak-Kanak Negara, Retrieved from www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id...r=portal/lef.

4 Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, Retrieved from www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id. Sila lihat Convention on the Rights of the Child (CRC), Retrieved from www.ohchr.org.

5 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

kanak (*child grooming*) (seksyen 11 – 13); Bahagian IV: Kesalahan yang berhubung dengan amang seksual (*sexual assault*) (seksyen 14 dan 15); Bahagian V: Orang yang mempunyai hubungan amanah (seksyen 16); Bahagian VI: Keupayaan dan keterangan saksi kanak-kanak (seksyen 17 dan 18) dan Bahagian VII: Pelbagai (seksyen 19 – 28). Terdapat satu jadual di bahagian akhir Akta 792 yang mengandungi kesalahan dalam undang-undang bertulis lain yang melibatkan kanak-kanak seperti Kanun Keseksaaan, Kanun Tatacara Jenayah, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Penapisan Filem 2002. Oleh sebab kesalahan tersebut membabitkan jenayah, maka pesalah akan dikenakan hukuman sama ada denda dan penjara, penjara dan sebat, atau penjara sahaja. Tempoh hukuman penjara yang paling panjang di bawah Akta 792 adalah selama 30 tahun, iaitu bagi kesalahan di bawah seksyen 5.

PEMAKAIAN AKTA 792

Pemakaian Akta 792 terhad kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun sahaja⁶ tetapi had umur kanak-kanak tertakluk pada undang-undang bertulis lain jika Akta 792 ini berhubung atau berkait dengan undang-undang tersebut (seksyen 2). Sebagai contohnya, seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun yang selaras dengan Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) yang menetapkan umur dewasa ialah 18 tahun.⁷ Akta ini juga boleh diguna pakai bagi kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia yang melibatkan mangsa kanak-kanak warganegara Malaysia (seksyen 3).

PORNOGRAFI KANAK-KANAK

Pornografi kanak-kanak ialah kesalahan yang melibatkan perlakuan seksual pelaku terhadap kanak-kanak dengan pelbagai cara yang

6 Muhammad Shamsul Abd. Ghani. (2014, 5 Ogos). Masih kanak-kanak walaupun berumur 18 tahun, Retrieved from www.sinarharian.com.my .

7 Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21).

menjijikkan. Kesalahan ini dinyatakan di bawah seksyen 4 hingga 10 Akta 792. Mengikut seksyen 4 Akta 792, “pornografi kanak-kanak” bermaksud apa-apa gambaran yang keseluruhannya atau sebahagiannya, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan ketiga-tiga bentuk tersebut melalui apa-apa cara tetapi tidak terhad kepada cara elektronik, mekanikal, digital, optik atau magnetik, atau dihasilkan secara manual, atau gabungan apa-apa cara, adalah tentang kanak-kanak atau seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak atau imej realistik atau grafik seorang kanak-kanak yang melakukan suatu perlakuan seksual secara terang-terangan. Secara ringkasnya, pornografi kanak-kanak melibatkan eksploitasi kanak-kanak secara seksual. Dengan kemajuan teknologi, kes pornografi kanak-kanak secara dalam talian (*online pornography*) semakin meningkat dan menurut laporan akhbar, Malaysia ialah negara yang paling banyak memuat naik dan memuat turun gambar dan visual pornografi kanak-kanak secara dalam talian⁸ (*online child pornography*).

Perlakuan seksual secara terang-terangan termasuklah yang benar atau simulasi enam perkara yang berikut, iaitu pertama, persetubuhan atau perbuatan yang memberahikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin dengan alat kelamin atau mulut dengan alat kelamin; kedua, perbuatan kebinatangan, iaitu tindakan yang dilakukan tanpa menggunakan akal fikiran yang waras dengan cara mendera mangsa secara seksual; ketiga, onani atau melancap, iaitu perbuatan mengeluarkan sperma dengan sendiri; keempat, penganiayaan sadis atau masokis dalam konteks seksual yang disebut sebagai sadomasokis (melakukan penyiksaan dalam hubungan seksual); kelima, menunjukkan bagi maksud seksual alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubik atau dubur; dan keenam, penggunaan apa-apa objek atau peralatan bagi perbuatan yang memberahikan seperti menggunakan anak patung.

Seksyen 5 Akta 792 pula melibatkan kesalahan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, dan

8 n.n. (2018, 30 Januari). Malaysia tops in South-East Asia for online child pornography. *The Star Online*, Retrieved from <https://www.thestar.com.my.../malaysia-tops-in-southeast-for-online-child-pornograp>.

sebagainya yang berkaitan dengan pornografi kanak-kanak termasuklah pengeluar filem atau penerbit, pengarah, penyelia artistik seni, serta pelakon yang melakonkan watak kanak-kanak dalam filem pornografi kanak-kanak. Hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen ini ialah penjara tidak lebih daripada 30 tahun dan sebatan tidak lebih daripada enam sebatan. Sementara itu, bagi mereka yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 6 yang merangkumi kesalahan membuat persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak, jika disabitkan kesalahan akan dihukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun dan boleh juga dihukum sebat.

Seksyen 7 Akta 792 menetapkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan tidak kurang daripada lima sebatan terhadap mereka yang didapati bersalah menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarah pembuatan atau penghasilan, dan sebagainya. Namun, seksyen ini tidak terpakai jika kesalahan tersebut dilakukan terhadap seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak. Seksyen 8 menetapkan penjara tidak lebih daripada 15 tahun dan hukuman sebatan tidak kurang dari tiga tahun terhadap mereka yang bertukar-tukar, menerbitkan, dan sebagainya pornografi kanak-kanak, termasuklah memperoleh dan mengumpul atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak. Seksyen 10 pula melibatkan penggunaan komputer atau internet untuk mengakses, dan sebagainya pornografi kanak-kanak, termasuklah penggunaan e-mel untuk menghantar dan menerima visual pornografi kanak-kanak. Kes pornografi kanak-kanak yang paling popular di Malaysia melibatkan Richard Huckle, seorang pedofilia dari Britain yang melakukan kesalahan seksual terhadap 500 kanak-kanak, termasuk bayi yang kemudiannya dihukum penjara seumur hidup sebanyak 22 kali oleh Mahkamah Britain.⁹

PENGANTUNAN KANAK-KANAK (*CHILD GROOMING*)

Pengantunan bermaksud proses suspek berkawan dengan kanak-

⁹ n.n. (2016, 14 November). Paedophiles targeting Malaysia due to weak laws. *New Straits Times*, Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/2016/.../paedophiles-targeting-malaysia-due-weak-laws>.

kanak dengan niat untuk mengeksploitasi dan mencabuli mereka. Pengantunan kanak-kanak secara dalam talian pula melibatkan hubungan antara mangsa dengan pemangsa melalui aplikasi *chat*.¹⁰ Kebiasaannya kanak-kanak mudah dipujuk dan mudah percaya pada seseorang. Hanya dengan memberikan hadiah, pemangsa dengan mudah dapat menarik mangsa bersahabat dengannya. Setelah mereka bersahabat, pemangsa mula berbual tentang seks dan pornografi, serta mula melakukan eksploitasi seksual terhadap mangsa. Akhirnya mangsa terpaksa menurut kehendak pemangsa, terutama apabila mangsa diugut.

Oleh sebab itu, seksyen 11 Akta 792 mewujudkan larangan terhadap seseorang yang berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak atau menggalakkan kanak-kanak untuk berkomunikasi secara seksual. Contohnya, berbual tentang aktiviti yang bersifat seksual. Jika didapati bersalah, pelaku atau pemangsa boleh dihukum penjara tidak lebih daripada tiga tahun. Namun, larangan tersebut tidak terpakai terhadap mereka yang berkomunikasi secara seksual untuk tujuan pendidikan, sains atau perubatan. Begitu juga peruntukan seksyen 12 yang memfokuskan pengantunan kanak-kanak. Menurut seksyen ini, mana-mana orang yang berkomunikasi melalui apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak dengan niat untuk melakukan atau memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 14 dan 15 atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam jadual terhadap kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan jika bersalah boleh dipenjarakan tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dihukum sebat. Istimewanya, mana-mana prosiding yang melibatkan segala fakta dan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 14 dan 15 dan jadual tersebut tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan. Seksyen 13 turut menyatakan bahawa jika pemangsa berjumpa mangsa selepas pengantunan kanak-kanak dengan niat melakukan kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 14 dan 15 dan jadual, maka jika didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tidak melebihi 10 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat.

10 Bahagian Permata, Jabatan Perdana Menteri. (n.d.). Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak: Panduan. Retrieved from www.programpermata.my/resources/.../Mobile_JSJKK_1.0.pdf.

AMANG SEKSUAL (*SEXUAL ASSAULT*) TERHADAP KANAK-KANAK

Secara literalnya, amang bermaksud tahi bijih. Namun, menurut interpretasi undang-undang “amang” bermaksud gangguan atau ancaman seksual (*sexual assault*). Ancaman seksual terhadap kanak-kanak terbahagi kepada dua kategori, iaitu amang seksual fizikal (seksyen 14) dan amang seksual bukan fizikal (seksyen 15).

Seksyen 14 menyatakan bahawa mana-mana orang, bagi maksud seksual (a) menyentuh mana-mana bahagian badan seorang kanak-kanak, (b) membuatkan kanak-kanak menyentuh bahagian badan orang lain atau bahagian badan mana-mana orang lain, (c) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau (d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan dianggap melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat. Terdapat banyak kes di Malaysia yang melibatkan dakwaan di bawah seksyen 14 Akta 792. Contohnya, seorang guru, Wan Khairul Aznim Wan Zahari, 41 tahun dari Perak menghadapi 19 pertuduhan melakukan seks luar tabii dan seks oral terhadap tiga pelajar lelaki yang berumur antara 14 dengan 17 tahun. Tujuh pertuduhan di kemukakan mengikut seksyen 377B Kanun Keseksaan, manakala 12 pertuduhan dibuat mengikut seksyen 14(a) Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebatan.¹¹ Di Selangor, seorang lelaki yang berusia 61 tahun dan mempunyai rekod jenayah kesalahan merompak dan merogol ditangkap dan dituduh melakukan pencerobohan dengan sentuhan fizikal (*molestation*) terhadap kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun. Kes beliau disiasat di bawah seksyen

11 n.n. (2018, 26 Mei). Guru hadapi tuduhan seks oral, luar tabii. *Utusan Malaysia*, p. 23.



14(a) Akta 792.¹² Seksyen 15 Akta 792 pula menyatakan enam cara kesalahan yang dikategorikan sebagai amang seksual bukan fizikal. Cara ini melibatkan penggunaan perkataan, bunyi, isyarat dan badan yang membuatkan seseorang kanak-kanak apabila mendengar bunyi atau melihat isyarat tersebut sama ada menunjukkan badannya atau melihat badan orang yang membuat bunyi atau isyarat tadi. Sebagai contoh, subseksyen 15(a) menyatakan mana-mana orang yang:

- (a) bagi maksud seksual (i) mengatakan apa-apa perkataan, atau membuat bunyi, atau gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bunyi dan isyarat tadi didengari dan badan dilihat oleh seseorang kanak-kanak; (ii) membuatkan seseorang kanak-kanak menunjukkan badannya kepada orang yang membuat bunyi dan isyarat tadi atau (iii) mengikut, memerhatikan atau menghubungi seseorang kanak-kanak secara berulang kali atau kerap.

Kesalahan lain termasuk mengugut untuk menggunakan gambaran dalam bentuk visual atau audio atau bertulis atau gabungan kesemuanya melalui apa-apa cara untuk menunjukkan badan seseorang kanak-kanak atau tentang aktiviti seksual kanak-kanak; melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seorang kanak-kanak; menyebabkan seorang kanak-kanak memerhati orang itu atau mana-mana orang lain sedang melakukan aktiviti bersifat seksual; menyebabkan seorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran dalam apa-apa sahaja bentuk melalui apa-apa sahaja cara tentang orang itu atau membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual. Jika orang itu didapati bersalah, dia boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau didenda tidak melebihi RM20 000 atau kedua-duanya. Namun, tertakluk pada pihak mahkamah untuk menentukan apakah yang dimaksudkan dengan “maksud seksual”, perkataan dan isyarat yang digunakan dan hal lain yang berkaitan dengan pelaku.

¹² n.n. (2018, 8 Februari). Man with record for rape held over molest of nine year old. *The Star*, p. 3.



ORANG YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN AMANAH

Akta 792 juga memberikan penekanan pada aspek amanah dan tanggungjawab untuk menjaga dan melindungi kanak-kanak. Hubungan amanah juga bermaksud seorang kanak-kanak itu berada di bawah pemeliharaan, pengawasan dan kuasa mereka yang memegang amanah. Mereka ini termasuklah ibu atau bapa, penjaga, saudara mara, guru, pensyarah, warden, pengasuh kanak-kanak, jurulatih dan badan berwajib seperti Jabatan Kesihatan dan penjawat awam kerana kanak-kanak memerlukan perlindungan dan mudah mempercayai seseorang, terutamanya mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan menjadi penjaga kanak-kanak terbabit.

Mengikut seksyen 16, jika seseorang itu melakukan mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam jadual, maka jika terbukti bersalah orang itu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan disebut tidak kurang daripada dua sebatan. Namun, masih terdapat kes yang melibatkan jenayah seksual oleh mereka yang diamanahkan seperti kes guru yang melakukan jenayah seksual terhadap pelajar dan kes penjaga pusat kebajikan yang dituduh di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama-sama seksyen 16 akta ini kerana kesalahan merogol kanak-kanak di pusat tersebut yang berusia 11 tahun.¹³ Kes sumbang mahram juga banyak berlaku di Malaysia. Dalam kes *Mohd Ruszaini bin Mislan lwn Pendakwa Raya*,¹⁴ Pesuruhjaya Kehakiman SM Komathy turut menyatakan bahawa apabila kes melibatkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak, orang yang melakukan kejahatan, iaitu ahli keluarga mangsa tidak sepatutnya mengharap belas kasihan daripada mahkamah kerana mereka sepatutnya melindungi dan bukan menganiaya kanak-kanak tersebut. Maka, dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi Shah Alam menolak rayuan perayu yang juga abang kandung mangsa kerana kesalahan beliau merogol mangsa yang pada ketika itu berusia 14 tahun 3 bulan

13 n. n. (2018, 2 Februari). Pengasas pusat kebajikan didakwa rogol, cabul dua kanak-kanak jagaan. Retrieved from <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/35767>.

14 [2017] *MLJU* 2118.

pada tahun 2012. Pesalah dalam kes ini dihukum penjara selama 18 tahun dan 10 sebatan di bawah seksyen 376B Kanun Keseksaan atas kesalahan sumbang mahram. Mahkamah tidak merujuk Akta 792 pada ketika itu kerana masih belum digubal.

KEUPAYAAN DAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK

Seksyen 17 akta ini menyatakan bahawa setiap kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat sebaliknya. Keadaan ini bermakna, kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual boleh memberikan keterangan di mahkamah secara bersumpah. Menurut seksyen 18 pula, mahkamah boleh mensabitkan tertuduh bagi kesalahan yang dilakukannya berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

KESALAHAN LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KANAK-KANAK

Terdapat sepuluh peruntukan atau seksyen di bahagian VII Akta 792 yang memfokuskan pesalah sama ada individu atau pertubuhan. Bahagian ini juga merujuk Kanun Tatacara Jenayah dan ketidakpakaian seksyen 173A, 293 dan 294 kanun tersebut. Menurut seksyen 19, seseorang yang gagal memberikan maklumat kepada polis tentang jenayah seksual terhadap kanak-kanak boleh didenda tidak melebihi RM5000. Tertuduh juga tidak boleh menggunakan alasan untuk membela diri jika pada ketika melakukan kesalahan seksual beliau mempercayai bahawa umur kanak-kanak itu ialah umur atau lebih daripada umur yang dinyatakan dalam akta, melainkan beliau mengambil semua langkah yang munasabah untuk menentukan umur kanak-kanak itu (seksyen 20). Mereka yang bersubahat dengan si pelaku juga akan turut dihukum mengikut kesalahan seperti yang diperuntukkan dalam akta (seksyen 21).

Jika sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, keterangan ejen provokasi juga boleh diterima walaupun beliau cuba melakukan atau bersubahat atau terlibat dalam konspirasi jenayah untuk

melakukan kesalahan itu, jika tujuan utama bersubahat atau terlibat untuk mendapatkan keterangan daripada orang itu (seksyen 22). Pertubuhan perbadanan juga dikira bersalah jika melanggar Akta 792, termasuklah pengarah, pengurus dan setiausaha perbadanan terbabit melainkan mereka membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan mereka (seksyen 23). Seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini (seksyen 24). Walau bagaimanapun, sebatan masih boleh dikenakan terhadap pesalah yang berumur lebih daripada 50 tahun jika beliau melakukan kesalahan di bawah akta ini (seksyen 25).

Selain menghukum pesalah jenayah seksual yang melakukan kesalahan di bawah Akta 792 dan di bawah jadual, seksyen 26 Akta 792 juga membenarkan pihak mahkamah memerintahkan tertuduh melakukan kaunseling pemulihan dalam tempoh penahanannya. Begitu juga jika beliau disabitkan di bawah akta ini, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya dia diletakkan di bawah pengawasan polis selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari tiga tahun bermula sebaik selepas habis tempoh hukuman yang dijatuhkan terhadapnya (seksyen 27). Akhir sekali, seksyen 28 memperuntukkan jadual yang mengandungi seksyen daripada Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Komunikasi dan Multimedia, dan Akta Penapisan Filem 2002.

KESIMPULAN

Akta 792 memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk mempertahankan hak mereka dan mendapat lebih perlindungan serta jaminan keselamatan di mana-mana sahaja mereka berada. Hukuman yang dikenakan terhadap penjenayah seksual yang terlibat dalam pornografi kanak-kanak, amang seksual, dan pengantunan kanak-kanak wajar dilaksanakan. Namun, langkah pencegahan yang patut diambil oleh ibu bapa dan penjaga kanak-kanak sewajarnya dijadikan peraturan wajib dan dinyatakan dalam undang-undang agar tindakan pencegahan yang lebih efektif dapat dilaksanakan. Pendidikan seksual dan penekanan ilmu keagamaan



harus diberikan kepada kanak-kanak supaya mereka lebih peka dengan keadaan persekitaran dan ancaman yang bakal dihadapi. Pada ketika ini, kes yang melibatkan Akta 792 tidak dapat dirujuk atau diperoleh melalui jurnal atau laporan undang-undang yang lengkap kerana diklasifikasikan sebagai maklumat sulit kerana melibatkan kes kanak-kanak di bawah umur. Kes di bawah Akta 792 juga dibicarakan di mahkamah khas kanak-kanak yang bertujuan memelihara kepentingan kanak-kanak terbabit.¹⁵ Sehingga Februari 2018, hanya terdapat 68 kes tertunggak dan sebanyak 314 kes berjaya diselesaikan sejak pelancarannya pada Jun 2017.¹⁶



15 Mohd. Husni Mohd. Noor, "Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak pertama di Asia Tenggara," *Harian Metro*, 22 Jun 2017, <<https://www.hmetro.com.my/utama/2017/06/239692/mahkamah-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-pertama-di-asia-tenggara>>.

16 Mohd. Anwar Patho Rohman, Idris, Rizanizam, Lokman Arif, Farhana dan Norain, Mahkamah Khas Kanak-kanak segerakan selesai kes, 12 Mac 2018, <https://www.bharian.com.my/.../mahkamah-khas-seksual-kanak-ka...>

